
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JKP 317 – Ideologi Dunia Ketiga

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

BAHAGIAN A

1. “.... kami tidak mendesak dilaksanakan demokrasi liberal di mana rakyat boleh merusuh setiap hari bagi menumbangkan kerajaan atau melancarkan mogok untuk tujuan yang sama. Kita perlu melaksanakan demokrasi tetapi biarlah ia demokrasi asas yang bermaksud rakyat berhak memilih kerajaan tanpa perlu mengadakan revolusi. Itulah tujuan demokrasi sebenarnya..... Jadi, demokrasi bukanlah monopoli negara tertentu dan bukan hanya untuk mereka menginterpretasikannya. Orang lain juga boleh membuat interpretasi sendiri. Kami percaya, apabila demokrasi dipaksakan ke atas mana-mana negara yang tidak pernah mengenali pemerintahan demokrasi, satu-satunya akibat ialah kekeliruan terhadap fungsi kerajaan” (Dr. Mahathir Mohamad, sidang akhbar sempena Sidang APEC, Bangkok, *Utusan Malaysia*, 22 Oktober 2003).

Berpandukan pernyataan di atas, bincangkan perbezaan kefahaman tentang demokrasi antara negara Dunia Ketiga dengan negara maju.

(100 markah)

BAHAGIAN B

2. Bandingkan dan bezakan ideologi Marxisme-Leninisme sebagaimana yang diaplikasikan oleh rejim Mao Tse Tung di China dengan yang dilaksanakan oleh rejim Castro di Cuba.

(100 markah)

3. Namakan sebuah rejim negara Dunia Ketiga yang anda fikir layak dikategorikan sebagai fasis. Huraikan ciri-ciri fasisme yang terdapat dalam rejim ini.

(100 markah)

4. Berpandukan fakta dari sekurang-kurangnya sebuah negara Afrika, jelaskan ciri-ciri yang membezakan sosialisme di Afrika dengan sosialisme di benua lain.

(100 markah)

5. Bolehkah Islam dikategorikan sebagai sebuah ideologi Dunia Ketiga yang berpengaruh? Bincangkan pengaruh Islam ke atas politik kontemporari sekurang-kurangnya sebuah negara Dunia Ketiga selain Malaysia.

(100 markah)

